

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun, atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **DESKRIPSI TUGAS:**

Merancang, mengubal dan melaksanakan dasar-dasar awam mengenai pengurusan sumber tenaga manusia dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan juga bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan peralatan pejabat serta pengurusan kakitangan.

#### **B. CARA MEMOHON**

1. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Raub** yang boleh didapati di laman web Majlis Daerah Raub di alamat [www.mdraub.gov.my](http://www.mdraub.gov.my), atau dengan datang sendiri ke Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Raub atau mengirim sampul surat berwarna putih beralamat sendiri dan bersetem 60 sen untuk setiap satu jawatan. Sila kemukakan permohonan kepada:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH RAUB  
27600 RAUB  
PAHANG DARUL MAKMUR**

2. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkusa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam Para 17 yang dikemukakan bersama dengan maklumat perkhidmatan yang terkini dan sokongan Ketua Jabatan beserta dan Laporan Nilaian Prestasi terkini.
3. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dokumen berikut:-
  - 3.1 Salinan kad pengenalan (depan/belakang), salinan sijil lahir, sijil tamat persekolahan, sijil-sijil persekolahan, sijil/diploma/ijazah yang berkaitan, keputusan peperiksaan akhir bagi kelayakan yang disyaratkan dan lain-lain dokumen pengesahan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.